

# Angkasawan: Mahathir yakin

GURUN 24 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad yakin projek angkasawan Malaysia yang diumumkan beliau pada Ogos 2003 akan berjaya kerana rakyat negara ini berkebolehan seperti juga rakyat di negara maju.

Kata beliau, apa yang penting rakyat Malaysia perlu yakin kepada diri mereka sendiri dan sanggup belajar berulang kali serta berusaha keras.

"Kita boleh buat, jika kita hendak buat sesuatu, tetapi kalau tak hendak buat bermacam-macam alasan diberikan," katanya ketika diminta mengulas mengenai rancangan menghantar angkasawan pertama Malaysia ke angkasa lepas pada Oktober 2007.

Program angkasawan Malaysia menerima sebanyak 11,275 permohonan sejak 13 Oktober hingga 13 Disember 2003 dan daripada 2,875 calon yang mendaftar semula, seramai 894 dipilih.

Seramai lima hingga 10 calon akan disenarai pendek untuk menjalani pemeriksaan dan latihan terperinci mengikut syarat Agensi Angkasa Rusia selama dua hingga tiga minggu.

Ketika berucap pada majlis sambutan ulang tahun kelahirannya yang ke-80 anjuran Naza Automotives Manufacturing Sdn. Bhd. di sini hari ini, Dr. Mahathir berkata, sekiranya rakyat Malaysia melakukan sesuatu berulang kali, mereka akan jadi pandai dan memiliki kecekapan.

"Kalau nak buat apa pun, kita boleh laksanakan seperti orang-orang Eropah, malah kemampuan rakyat negara ini juga sudah mengatasi kemampuan rakyat di negara-negara berkenaan," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, seperti juga industri kereta Naza di Gurun ini, sebenarnya penduduk di kawasan ini boleh membuat kenderaan yang baik untuk dijual dalam dan luar negara.